



**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN DIGITAL**

**PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN MAKLUMAT PADA
PERAKUAN PENDAFTARAN
(GOLONGAN PENGAWAL DATA)
MELALUI
SISTEM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (SPDP)**

Dikemas kini pada: 15 Julai 2025

PERMOHONAN PERUBAHAN MAKLUMAT PENDAFTARAN



1. Panduan Umum

- Permohonan perubahan maklumat bagi Nama Syarikat atau Golongan Pengawal Data adalah melalui SPDP.
- Pindaan maklumat hanya boleh dipohon selepas permohonan pendaftaran telah berjaya.
- Permohonan lengkap akan disemak oleh Pesuruhjaya PDP dalam tempoh 7 hari bekerja.
- Pemohon akan menerima emel pemakluman status permohonan melalui emel yang didaftarkan.
- Perakuan Pendaftaran baharu boleh di muat turun oleh pemohon di SPDP selepas menerima emel kelulusan.
- Tiada bayaran fi dikenakan bagi permohonan pindaan maklumat.

2. Log Masuk Akaun

- Pemohon perlu melayari laman sesawang SPDP di <http://daftar.pdp.gov.my/>.
- Klik “Log Masuk SPDP” di penjuru kanan atas laman SPDP.
- Masukkan ID pengguna dan kata laluan. Seterusnya, Klik butang “Log Masuk”.




Rajah 2.1

- Sekiranya pemohon tidak mengetahui kata laluan, sila rujuk [Tetapan Semula Kata Laluan](#).

3. Permohonan Perubahan Maklumat pada Sijil Perakuan Pendaftaran.

- Klik “Pindaan” yang terdapat di Senarai Perakuan Pendaftaran seperti di dalam rajah 3.1 di bawah.



Rajah 3.1

Permohonan Pindaan

Permohonan Pindaan Sijil Perakuan adalah permohonan bertujuan untuk membuat pindaan pada sijil sedia ada.

No Pendaftaran SPDP
SB12042014

Nama Syarikat

Nama Golongan Pengguna
Kesihatan

Nama Sub Golongan Pengguna

Bilangan Salinan *
Masukkan bilangan salinan yang diperlukan

Jenis Pindaan *
Sila Pilih

Sila Pilih

Nama Syarikat

Golongan Pengguna Data

Pilih jenis pindaan yang dikehendaki

TUTUP HANTAR

Rajah 3.2

- Pilih jenis pindaan yang dikehendaki.
- Setelah selesai, klik 'hantar'.

Nota:

- ☑ Bagi perubahan maklumat yang tidak tersenarai di dalam menu pilihan yang disediakan, pemohon hendaklah menghantar permohonan kepada Seksyen Pengurusan Pendaftaran melalui emel pendaftaran@pdp.gov.my.
- ☑ Pemohon hendaklah memohon pendaftaran baharu sekiranya pindaan adalah melibatkan perubahan jenis perniagaan.